



15 April 2013
15 April 2013
P.U. (A) 139

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (KRITERIA BAGI PEMBERIAN TARAF PERINTIS KEPADA SYARIKAT KECIL) 2013

PROMOTION OF INVESTMENTS (CRITERIA FOR THE GRANT OF PIONEER STATUS TO A SMALL COMPANY) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (KRITERIA BAGI PEMBERIAN TARAF
PERINTIS KEPADA SYARIKAT KECIL) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1A) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penggalakan Pelaburan (Kriteria bagi Pemberian Taraf Perintis kepada Syarikat Kecil) 2013**.

(2) Subsubsubperenggan 2(1)(a)(i) dan subsubperenggan 2(1)(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2012.

(3) Subsubsubperenggan 2(1)(a)(ii), dan subsubperenggan 2(1)(c) dan 2(1)(d) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Julai 2012.

Kriteria bagi pemberian taraf perintis kepada syarikat kecil

2. (1) Kriteria bagi pemberian taraf perintis kepada syarikat kecil adalah seperti yang berikut:

(a) berhubung dengan pemilikan ekuiti:

(i) syarikat kecil yang mempunyai wang pemegang syer tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan sekurang-kurangnya enam puluh peratus pemilikan ekuiti oleh Warganegara Malaysia; atau

(ii) syarikat kecil yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit dengan satu ratus peratus pemilikan ekuiti oleh Warganegara Malaysia;

- (b) bagi syarikat kecil yang mempunyai wang pemegang syer tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan terlibat dalam aktiviti yang digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan yang disebut dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 2012 [*P.U. (A) 63/2012*] dan Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) 2012 [*P.U. (A) 62/2012*]
- (i) syarikat tersebut hendaklah mencapai sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus nilai ditambah dalam aktiviti atau keluarannya;
 - (ii) syarikat tersebut hendaklah menggaji sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada pekerja di peringkat kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan; dan
 - (iii) sama ada—
 - (A) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat ini tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit;
 - (B) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat berkaitan tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang pertama disebut yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit; atau

- (C) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat yang pertama disebut dan syarikat berkaitan secara langsung atau tidak langsung tidak boleh dimiliki oleh syarikat lain yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit;
- (c) bagi syarikat kecil yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit dan terlibat dalam aktiviti yang digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan yang disebut dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 2012 [*P.U. (A) 63/2012*]—
- (i) syarikat tersebut hendaklah mencapai sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus nilai ditambah dalam aktiviti atau keluarannya;
- (ii) syarikat tersebut hendaklah menggaji sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada pekerja di peringkat kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan; dan
- (iii) sama ada—
- (A) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat ini tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai wang

pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit;

(B) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat berkaitan tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang pertama disebut yang mempunyai wang pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit; atau

(C) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat yang pertama disebut dan syarikat berkaitan secara langsung atau tidak langsung tidak boleh dimiliki oleh syarikat lain yang mempunyai wang pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit; dan

(d) bagi syarikat kecil yang mempunyai wang pemegang syer melebihi lima ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit dan terlibat dalam aktiviti yang digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan yang disebut dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) [*P.U. (A) 62/2012*]—

(i) kadar semasa indeks nilai ditambah yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan adalah terpakai;

(ii) kadar semasa bagi indeks Kakitangan Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan yang ditentukan oleh Menteri dengan

persetujuan bertulis Menteri Kewangan adalah terpakai;
dan

(iii) sama ada—

(A) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat ini tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai wang pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit;

(B) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat berkaitan tidak boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang pertama disebut yang mempunyai wang pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit; atau

(C) dua puluh peratus dan ke atas modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat yang pertama disebut dan syarikat berkaitan secara langsung atau tidak langsung tidak boleh dimiliki oleh syarikat lain yang mempunyai wang pemegang syer melebihi dua juta lima ratus ribu ringgit.

(2) Dalam Perintah ini, “nilai ditambah” ertinya jumlah jualan kasar ditolak kos bahan mentah.

Pembatalan

3. Perintah Penggalakan Pelaburan (Kriteria bagi Pemberian Taraf Perintis kepada Syarikat Kecil) 2008 [*P.U. (A) 459/2008*] dibatalkan.

Dibuat 2 April 2013
[MITI:ID/BDI/G(S)314/3 Jld. 9; PN(PU2)451/VII]

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

PROMOTION OF INVESTMENTS (CRITERIA FOR THE GRANT OF PIONEER
STATUS TO A SMALL COMPANY) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1A) of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Promotion of Investments (Criteria for the Grant of Pioneer Status to a Small Company) Order 2013**.

(2) Subsubsubparagraph 2(1)(a)(i) and subparagraph 2(1)(b) are deemed to have come into operation on 2 March 2012.

(3) Subsubsubparagraph 2(1)(a)(ii), and subparagraphs 2(1)(c) and 2(1)(d) are deemed to have come into operation on 3 July 2012.

Criteria for the grant of pioneer status to a small company

2. (1) The criteria for the grant of pioneer status to a small company shall be as follows:

(a) in relation to equity ownership:

(i) small companies with shareholders' fund of up to five hundred thousand ringgit with at least sixty per cent Malaysian equity ownership; or

(ii) small companies with shareholders' fund of above five hundred thousand ringgit and not exceeding two million five hundred thousand ringgit with one hundred per cent Malaysian equity ownership;

(b) for small companies with shareholders' fund of five hundred thousand ringgit and less and engaged in promoted activities or producing promoted products mentioned in the Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) Order 2012 [*P.U. (A) 63/2012*] and the Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products) Order 2012 [*P.U. (A) 62/2012*]

(i) the company shall achieve at least twenty five per cent value added in its activity or product;

(ii) the company shall employ at least twenty per cent of their workers at the managerial, technical and supervisory staff level; and

(iii) either—

(A) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the company cannot be directly or indirectly owned by a related company having shareholders' funds of more than five hundred thousand ringgit;

(B) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the related company cannot be directly or indirectly owned by the first mentioned company having shareholders' funds of more than five hundred thousand ringgit; or

(C) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the first mentioned

company and the related company cannot be directly or indirectly owned by another company having shareholders' funds of more than five hundred thousand ringgit;

(c) for small companies with shareholders' fund of above five hundred thousand ringgit and up to two million five hundred thousand ringgit and engaged in promoted activities or producing promoted products mentioned in the Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for Small Scale Companies) Order 2012 [*P.U. (A) 63/2012*]

(i) the company shall achieve at least twenty five per cent value added in its activity or product;

(ii) the company shall employ at least twenty per cent of their workers at the managerial, technical and supervisory staff level; and

(iii) either—

(A) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the company cannot be directly or indirectly owned by a related company having shareholders' funds of more than two million five hundred thousand ringgit;

(B) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the related company cannot be directly or indirectly owned by the first mentioned company having shareholders' funds of

more than two million five hundred thousand ringgit; or

- (C) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the first mentioned company and the related company cannot be directly or indirectly owned by another company having shareholders' funds of more than two million five hundred thousand ringgit, and

(d) for small companies with shareholders' fund of above five hundred thousand ringgit and less than two million five hundred thousand ringgit and engaged in promoted activities or producing promoted products mentioned in the Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products) Order 2012 [*P.U. (A) 62/2012*]

- (i) the prevailing rates on the value added index as determined by the Minister with concurrence in writing of the Minister of Finance shall be applicable;
- (ii) the prevailing rates on the Managerial, Technical and Supervisory Staff index as determined by the Minister with concurrence in writing of the Minister of Finance shall be applicable; and
- (iii) either—

- (A) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the company cannot be directly or indirectly owned by a related company

having shareholders' funds of more than two million five hundred thousand ringgit;

- (B) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the related company cannot be directly or indirectly owned by the first mentioned company having shareholders' funds of more than two million five hundred thousand ringgit; or
- (C) twenty per cent and above of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the first mentioned company and the related company cannot be directly or indirectly owned by another company having shareholders' funds of more than two million five hundred thousand ringgit.

(2) In this Order, "value added" means total gross sales less cost of raw materials.

Revocation

3. The Promotion of Investments (Criteria for the Grant of Pioneer Status to a Small Company) Order 2008 [*P.U. (A) 459/2008*] is revoked.

Made 2 April 2013
[MITI:ID/BDI/G(S)314/3 Jld. 9; PN(PU2)451/VII]

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Minister of International Trade and Industry